

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

1. Projek Transit Aliran Ringan (LRT).
  - (a) Apakah peranan MRT Corp dan SRS Consortium dalam projek ini?
  - (b) Berikan secara jelas tanah yang terlibat dengan pengambilan untuk projek ini.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. (a) Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan sebagai pemaju dan pemilik aset Projek LRT Pulau Pinang pada April 2024.

Jemaah Menteri juga telah meluluskan kaedah rundingan secara terus dilaksanakan bersama SRS untuk pakej pembinaan jajaran dan stesen dari Pulau Silikon hingga ke Komtar bagi Projek LRT Pulau Pinang yang dikenali sebagai Laluan Mutiara. Proses perolehan dan pelantikan kontraktor dan jururunding untuk projek LRT Pulau Pinang akan ditentukan oleh MRT Corp.
- (b) Kos pengambilan balik tanah dianggarkan sebanyak 1.53 bilion dan dijangka sebanyak 236 lot tanah akan terlibat dalam proses pengambilan balik tanah untuk Laluan Mutiara dari Permatang Damar Laut hingga ke Penang Sentral. Walau bagaimanapun, perincian lot-lot tanah yang akan terlibat masih dalam peringkat pemuktamadan.

Selain dari itu, terdapat tanah-tanah dari pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang akan terlibat dalam proses pengambilan tanah jua.

Kos-kos pengambilan balik tanah akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan menerusi anggaran kos pelaksanaan projek.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

2. Kerajaan Negeri sebelum ini memperuntukkan dana kepada Jabatan Perhilitan Negeri untuk mengatasi masalah monyet yang merosakkan harta benda penduduk. Adakah peruntukan yang sama akan diberi pada tahun ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM35,700.00 di bawah MMK Alam Sekitar untuk kerja-kerja Kontrak Tangkapan Kera bagi Program Bersepadu Konflik Kera-manusia di Pulau Pinang pada tahun 2022.

Peruntukan ini diberikan berdasarkan permohonan keperluan operasi oleh Jabatan PERHILITAN negeri Pulau Pinang. Bagi tahun 2024, Kerajaan Negeri bersedia untuk memberikan peruntukan sewajarnya bagi kerja-kerja Kontrak Tangkapan Kera kepada Jabatan PERHILITAN negeri Pulau Pinang setelah meneliti dan mengambilkira kedudukan semasa kewangan Kerajaan Negeri.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

3. Penyakit Tidak Berjangkit (NCD).
- (a) Berikan data penduduk Pulau Pinang yang meninggal dunia akibat NCD bagi tahun 2020, 2021, 2022 dan 2023.
  - (b) Apakah langkah Jabatan Kesihatan Negeri bagi mengurangkan kadar kematian penyakit ini?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. (a) Populasi di Negeri Pulau Pinang adalah seramai 1.8 juta orang. *Crude death rate* di Negeri Pulau Pinang bagi adalah 6.1 bagi tahun 2020, 8.0 bagi tahun 2021 dan 7.4 bagi tahun 2022.

Kadar kematian tahun 2022 menunjukkan trend yang menurun bagi penyakit jantung ke 154.7, diabetes ke 7.5, penyakit respiratori ke 21.5 dan kadar kanser ke 59.3 seperti di **LAMPIRAN A.**

Perbandingan antara daerah menunjukkan kadar kematian akibat penyakit jantung adalah paling tinggi di daerah Seberang Perai Utara (178.2), Seberang Perai Selatan (161.4) dan Barat Daya (154.1).

Daerah Seberang Perai Utara merupakan daerah yang merekodkan kadar kematian penyakit diabetes (18.4) dan penyakit respiratori (31.5) yang paling tinggi.

Kes-kes kanser menunjukkan trend kadar kematian menurun bagi tahun demi setahun bagi semua daerah. Kadar kematian kanser adalah seperti berikut: Daerah Timur Laut 67.9, Barat Daya 67.0, Seberang Perai Selatan 53.5, Seberang Perai Utara 52.3, dan Seberang Perai Tengah 51.5. Bagi mengurangkan kadar kematian penyakit tidak berjangkit ia memerlukan pelbagai strategi yang komprehensif seperti di **LAMPIRAN B**.

- (b) Bagi mengurangkan kadar kematian penyakit tidak berjangkit ia memerlukan pelbagai strategi yang komprehensif.

Kesedaran masyarakat ditingkatkan melalui pendidikan kesihatan untuk menggalakkan amalan gaya hidup yang sihat. Program Pendidikan Kesihatan disampaikan melalui forum kesihatan dan media massa yang menyediakan maklumat tentang bahaya berat badan berlebihan, pemakanan yang tidak sihat, kurang aktiviti fizikal, risiko merokok dan pengambilan alkohol. Pendidikan kesihatan ini bermula daripada pelajar sekolah rendah hingga ke institusi pendidikan tinggi.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam menjalankan Program Doktor Muda yang bertujuan untuk memberikan latihan asas kesihatan kepada pelajar sekolah rendah agar mereka menjadi pembimbing kepada rakan sebaya mereka. KKM juga mempromosikan program pencegahan melalui gaya hidup sihat yang merangkumi pengambilan makanan sihat, aktiviti fizikal yang teratur, serta pengurangan penggunaan tembakau dan alkohol. Pemantauan penjualan makanan sihat dan selamat dilakukan secara berkala bukan sahaja di kantin sekolah bahkan di premis makanan.

Sejak tahun 2004, program aktiviti fizikal untuk komuniti telah dijalankan melalui Wellness Hub. Di negeri Pulau Pinang, terdapat tiga infrastruktur Wellness Hub yang meliputi lima pendekatan: senaman dan kecergasan fizikal, makanan sihat, berhenti merokok, minda sihat, dan pengurusan berat badan (IFitEr).

Penguatkuasaan turut membantu dalam mengurangkan kadar kematian penyakit tidak berjangkit, termasuk larangan iklan makanan tidak sihat serta pengenaan cukai atas produk tembakau dan alkohol.

Melalui program penyaringan dan pengesanan awal, penyakit tidak berjangkit dapat dikesan pada peringkat awal. Program seperti saringan kanser kolorektal yang ditawarkan secara percuma, di semua klinik kesihatan, dapat membantu mengesan kanser kolorektal yang merupakan kanser kedua tertinggi di Malaysia (NHMS 2019). *National Health Screening Initiative Programme* adalah satu inisiatif saringan komuniti yang dimulakan pada tahun 2021, melaksanakan saringan kesihatan kepada masyarakat secara percuma setiap tahun. Ini memungkinkan intervensi awal yang dapat meningkatkan peluang pemulihan dan mengurangkan komplikasi jangka panjang.

Masyarakat juga diberikan akses kepada kemudahan rawatan dan perkhidmatan kesihatan berkualiti tinggi di hospital dan klinik kesihatan. Kini, masyarakat boleh menempah temu janji secara digital melalui aplikasi MySejahtera, termasuk perkhidmatan untuk pengurusan penyakit kronik seperti akses ke klinik pengurusan diabetes dan klinik berhenti merokok.

**LAMPIRAN A**

Non Communicable Disease Death (per 100,000 population)				
	Cardiovascular disease	Diabetes	Chronic Respiratory Disease	Cancer
2020	158.4	8.6	19.4	78.1
2021	171.8	12.3	29.5	75.7
2022	154.7	7.6	21.5	59.3

**LAMPIRAN B**

Cardiovascular disease (per 100,000 population)					
	Timur Laut	Barat Daya	S. Perai Utara	S. Perai Tengah	S. Perai Selatan
2020	132.0	153.6	185.8	158.4	186.5
2021	138.3	202.0	209.9	152.4	204.8
2022	153.3	154.1	178.2	135.4	161.4
Diabetes (per 100,000 population)					
	Timur Laut	Barat Daya	S. Perai Utara	S. Perai Tengah	S. Perai Selatan
2020	1.4	21.4	13.4	10.1	3.1
2021	3.8	15.8	20.3	12.9	18.6
2022	2.8	7.5	18.4	6.1	6.3
Chronic Respiratory Disease (per 100,000 population)					
	Timur Laut	Barat Daya	S. Perai Utara	S. Perai Tengah	S. Perai Selatan
2020	14.8	22.3	29.8	15.0	19.9
2021	25.6	48.3	26.3	25.3	32.1
2022	15.8	20.1	31.5	19.7	27.3
Cancer (per 100,000 population)					
	Timur Laut	Barat Daya	S. Perai Utara	S. Perai Tengah	S. Perai Selatan
2020	85.2	76.8	74.9	72.0	71.2
2021	88.1	86.1	65.2	62.1	69.3
2022	67.9	67.0	52.3	51.5	53.5

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

4. Tanah terbiar milik kerajaan.

- (a) Berikan dengan terperinci tanah milik kerajaan yang terbiar di Pulau Pinang.
- (b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri terhadap tanah terbiar di Lengkok Jesselton?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

4. (a) Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (Akta 828) mendefinisikan tanah kerajaan sebagai semua tanah di dalam negeri termasuk sebanyak mana dasar mana-mana sungai, tepi pantai serta dasar laut dalam lingkungan wilayah negeri itu atau batas perairan wilayah selain daripada tanah bermilik, tanah rizab, tanah lombong dan mana-mana tanah yang pada masa itu adalah hutan simpan. Merujuk kepada definisi serta skop di atas, Pentadbir Tanah tidak mempunyai rekod ke atas tanah-tanah Kerajaan yang dikategorikan sebagai terbiar. Manakala bagi tanah terbiar di bawah pemilikan Perbadanan Ketua Menteri (CMI) adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: **SENARAI TANAH TERBIAR MILIKAN CMI**

BIL	ALAMAT	DAERAH	KELUASAN	CATATAN
1	PT4051, Mukim 13, Bukit Jambul, Bayan Lepas  (berhampiran bangunan The CEO)	Timur Laut	0.4 ekar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dalam tindakan untuk membuka Sebut Harga.</li> </ul>
2	PT6562, Mukim 12, Jalan Sultan Azlan Shah, Bayan Lepas (berhampiran Kristal Point)	Barat Daya	0.9 ekar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dalam tindakan untuk membuka Sebut Harga.</li> </ul>
3	Lot 10317, Jalan Pondok Upeh, Balik Pulau	Barat Daya	100 ekar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembangunan Hab Education City yang akan dilaksanakan secara PPP melalui RFP.</li> </ul>

- (b) Berdasarkan perancangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, terdapat Cadangan Pembangunan Projek Kerja-Kerja Membina Kuarters Kelas C dan Ke Atas di Lot 122,123,124,125 Seksyen 2, Lengkok Jesselton, Daerah Timur Laut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

5. Adakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang akan menaik taraf Tapak Penjaja Sementara Mount Erskine?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Buat masa ini, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tiada perancangan untuk menaik taraf Tapak Penjaja Sementara Mount Erskine tersebut memandangkan ia terletak di atas Tanah Rizab Pelebaran Jalan. Walau bagaimanapun, bagi memberi keselesaan dan kemudahan kepada para peniaga dan penduduk setempat, kerja-kerja penyelenggaraan kecil dilaksanakan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

6. Adakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang akan menaik taraf Kompleks Makan dan Minum Padang Tembak?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sememangnya mempunyai perancangan untuk menaik taraf Kompleks Makan dan Minum di Padang Tembak. Pada ketika ini, pihak MBPP sedang dalam proses untuk memanggil tender bagi pelantikan jurutera bertauliah untuk melaksanakan kajian dan kerja-kerja menaik taraf struktur sedia ada.

Tender bagi pelantikan jurutera bertauliah ini telah dipanggil pada 22 April 2024 dan telah ditutup pada 6 Mei 2024. Cadangan bagi pelantikan jurutera perunding ini juga dijangka akan dibentangkan untuk pertimbangan Jawatankuasa Lembaga Perolehan Majlis pada 26 Jun 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

7. Tuan tanah Kampung Mount Erskine, Ladang Hong Seng dan Ladang Lada.
- (a) Perincikan nama tuan tanah kawasan seperti di atas.
  - (b) Adakah tuan tanah pernah masuk Pelan Pembangunan bagi kawasan di atas?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

7. (a) Kampung Mount Erskine terletak di atas atas Lot 3606, Lot 3607, Lot 3814 dan Lot 3813, Mukim 18, Daerah Timur Laut yang didaftarkan atas nama-nama seperti di **LAMPIRAN A**. Ladang Hong Seng pula terletak di atas tanah milik Lot 3599, Lot 3600, Lot 3621 Mukim 18 dan Lot 988 Seksyen 1 Bandar George Town yang didaftarkan atas nama beberapa individu seperti di **LAMPIRAN B**. Manakala Ladang Lada (*Pepper Estate*) terletak di atas tanah milik Lot 2859 dan Lot 3643 Mukim 18 yang merupakan tanah milik yang didaftarkan atas nama Beverly Heights Properties Sdn Bhd.
- (b) Berdasarkan rekod MBPP, tiada Permohonan Kebenaran Merancang yang diterima setakat ini bagi cadangan pembangunan di Kampung Mount Erskine, Ladang Hong Seng dan Ladang Lada.

**SENARAI PEMILIK TANAH KAMPUNG MOUNT ERSKINE**

<b>BIL.</b>	<b>LOT/MUKIM</b>	<b>PEMILIK</b>	<b>KEPENTINGAN</b>
1	3606/18	Lim Beng Sun Michele Kythe Lim Beng Sze	} Pentadbir  } Pemilik
2	3607/18	Rakesh A/L Rethinasamy Rathika A/P Rethinasamy Ramesh A/L Rethinasamy Rakesh A/L Rethinasamy Rathika A/P Rethinasamy	
3	3813/18	Spectral Heights Sdn. Bhd.	Pemilik
4	3814/18	Koperasi Bodhi Heart Berhad	Pemilik

**LAMPIRAN B****SENARAI PEMILIK TANAH LADANG HONG SENG**

<b>BIL.</b>	<b>LOT/MUKIM</b>	<b>PEMILIK</b>	<b>KEPENTINGAN</b>
1	3599/18	Oh Aik Kim Oh Kim Seng Oh Soo Chong Oh Theam Hock	} Pemegang Amanah Keseluruhan Bahagian
2	3600/18	Oh Kay Seang Oh Sin Kek Oh Tek Hok Oh Tye Heng Oh Wee Pin Oh Yin Aik	(1/6) Pemilik (1/6) Pemilik (1/6) Pemilik (1/6) Pemilik (1/6) Pemilik (1/6) Pemilik
3	3621/18	Oh Aik Kim Oh Kim Seng Oh Soo Chong Oh Theam Hock	} Pemegang Amanah Keseluruhan Bahagian
4	988/S.1 BGT	Lo Seng Hooi Loo Soon Teik Phang Kim Hong Teoh Kim Heng	(1/4) Pemilik (1/4) Pemilik (1/4) Pemilik (1/4) Pemilik

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

8. Flat Padang Tembak.

- (a) Apakah kriteria yang diguna pakai oleh Lembaga Perumahan Pulau Pinang dalam melantik syarikat penyelenggaraan di Padang Tembak?
- (b) Berapakah peruntukan yang disalurkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan setahun di Padang Tembak?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Rumah Pangsa Padang Tembak keseluruhannya mempunyai 3,652 unit kediaman. Hanya 22 unit rumah merupakan unit sewaan di bawah seliaan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), manakala baki unit adalah milikan individu. Pada Mesyuarat Agung Tahunan Pertama bersama penduduk Rumah Pangsa Padang Tembak, penubuhan Perbadanan Pengurusan [*Management Corporation (MC)*] selaras dengan Seksyen 57, Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] pada tahun 2022 tidak berjaya kerana pemilik tidak bersetuju dengan penubuhan MC. Lanjutan itu, pengurusan di Rumah Pangsa Padang Tembak kekal di bawah Kerajaan Negeri.

- (a) Kriteria yang diguna pakai oleh LPNPP dalam melantik syarikat penyelenggaraan di Rumah Pangsa Padang Tembak adalah seperti berikut:
  - (i) Mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan;
  - (ii) Berdaftar di bawah Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Hartanah dan Pengurusan Harta (LPPEH); dan

- (iii) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam Kod Bidang 221105 – Pemungut Hutang / Penghantar Notis dan 221506 – Perkhidmatan / Penyewaan dan Pengurusan.
- (b) Pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan di Rumah Pangsa Padang Tembak adalah melalui sumber peruntukan seperti berikut:
- (i) Bajet pembangunan P.01 (11-Rancangan Perumahan Murah) yang diperuntukkan sebanyak RM 6.0 juta setahun untuk seluruh Pulau Pinang;
  - (ii) Dana Penyelenggaraan dan kutipan bulanan Penyelenggaraan Perumahan Kos Rendah; dan
  - (iii) Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Bagi tahun 2024, sehingga 30 April 2024, perincian perbelanjaan bagi kerja-kerja penyelenggaraan di skim perumahan Padang Tembak adalah seperti di Jadual 1 berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>BELANJA PEMBANGUNAN (P.01)</b>	<b>DANA PENYENGGARAAN DAN KUTIPAN BULANAN PENYENGGARAAN PERUMAHAN KOS RENDAH</b>	<b>PROGRAM PENYENGGARAAN PERUMAHAN (PPP)</b>
2024	RM 800,510.00	RM40,600.00	-

Jadual 1: Perincian perbelanjaan di Rumah Pangsa Padang Tembak bagi tahun 2024 sehingga 30 April 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

9. Setakat manakah proses pampasan kepada penduduk di Kampung Tanjung Tokong yang diarah berpindah untuk projek pembangunan?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

9. Projek pembangunan di Kampung Tanjung Tokong adalah di bawah projek pembangunan semula yang dibangunkan oleh UDA Holdings Berhad (UDA) menerusi anak syarikatnya, UDA Land North Sdn. Bhd. (ULNSB) sejak tahun 1980-an sehingga kini. Sebanyak 1,486 unit rumah pangsa kos rendah dan sederhana rendah telah ditawarkan dan penduduk telah berpindah sejak tahun 1980 sehingga 2020. Manakala terdapat sebanyak 481 unit rumah pangsa kos sederhana rendah telah ditawarkan kepada penduduk Fasa 4B dan 4C dan sedang dalam proses berpindah.

Melalui data bancian yang telah dilaksanakan pada tahun 2003 oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan dan Penyelesaian Pembangunan (JPPP) Tanjung Tokong yang dipengerusikan oleh YB TKM 1 Pulau Pinang, terdapat sebanyak empat (4) kawasan bancian iaitu Parcel 4A, 4B, 4C dan 5 yang melibatkan sebanyak 310 penduduk kategori Bekas Pemegang Tol (BPTOL) dan 783 penduduk kategori Penumpang BPTOL (PBPTOL) yang mana menjadikan jumlah keseluruhan adalah sebanyak 1,093 penduduk.

Berdasarkan maklumat ULNSB, sehingga kini, terdapat sebanyak 173 bilangan rumah Bekas Pemegang TOL (BPTOL) di kawasan Kampung Tanjung Tokong (Warisan Tanjung 2) yang masih tinggal di atas tapak Fasa 4B dan 4C. ULNSB sedang dalam proses memindahkan penduduk Kampung Tanjung Tokong (Warisan

Tanjung 2) bermula pada September 2021 ke Pangsapuri Warisan Tanjung 1 dan selebihnya ke penempatan sementara ke Selasih Court. Fasa 4B dan 4C akan dikosongkan di mana penduduk akan dipindahkan ke rumah transit sehingga penyiapan Fasa 4C iaitu sebanyak 650 unit. ULNSB telah menjemput penduduk Warisan Tanjung 2 (Fasa 4B & 4C) bermula pada April 2021 secara berperingkat untuk menghadiri sesi taklimat dan kemaskini maklumat penduduk dan sesi ini telah berakhir pada Disember 2021.

Selain daripada pampasan rumah, ULNSB melalui kelulusan (JPPP) Tanjung Tokong juga menyediakan sugu hati kepada BPTOL, PBPTOL, Rumah Tiada Nombor (RTN) dan Penyewa/ Separa Sewa seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1: SAGU HATI KEPADA PENDUDUK**

BIL.	KATEGORI	SAGU HATI BERPINDAH KE WARISAN TANJUNG	SAGU HATI PINDAH KE PENEMPATAN SEMENTARA
1.	Bekas Pemegang Tol (BPTOL)	RM3,500.00	RM1,000.00
2.	Penumpang BPTOL (PBPTOL)	RM2,000.00	RM1,000.00
3.	Rumah Tiada Nombor (RTN)	RM2,000.00	RM1,000.00
4.	Penyewa/ Separa Sewa	Kelayakan membeli rumah dengan diskaun 45% daripada harga jualan atau wang ehsan RM5,000.00 dan keluar dari tapak.	

Maklumat terperinci berkenaan pampasan penduduk Warisan Tanjung 2 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

## LAMPIRAN A

### 1.0 Penempatan Semula Penduduk Tanjung Tokong Yang Telah Berpindah.

BIL.	FASA	JENIS PEMBANGUNAN	TAHUN	BIL. UNIT
1.	1	Rumah Pangsa Kos Rendah	1980	96 unit
2.	2	Rumah Pangsa Kos Rendah	1985	330 unit
3.	3	Rumah Pangsa Kos Rendah	1987	210 unit
4.	4	Rumah Pangsa Kos Sederhana Rendah	1995	300 unit
5.	4A	Rumah Pangsa Kos Rendah	2020	550 unit
<b>Jumlah Keseluruhan</b>				<b>1,486 unit</b>

### 2.0 Penempatan Semula Penduduk Fasa 4B & 4C (Warisan Tanjung 2) Dalam Proses Berpindah.

JENIS PEMBANGUNAN		RUMAH PANGSA KOS SEDERHANA RENDAH (650 UNIT)		
Bil.	Kategori	Luas Seunit	Bil. Unit	Catatan
1.	Bekas Pemegang TOL	850 kp	173 unit	Percuma
2.	Penumpang Bekas Pemegang TOL	800 kp	266 unit	Percuma
3.	Rumah Tiada Nombor (RTN)	800 kp	16 unit	Percuma
4.	Penyewa	800 kp	26 unit	Pembelian
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>481 unit</b>	

Kategori kelayakan Penduduk Warisan Tanjung 2 yang terlibat dengan proses perpindahan ke penempatan kekal dan ke penempatan transit di Selasih Court sepertimana yang diluluskan Jawatankuasa Perancangan Dan Penyelesaian Pembangunan (JPPP) Tanjung Tokong yang dipengerusikan oleh YB TKM 1 Pulau Pinang:-

BIL	KATEGORI	TAKRIF	TAWARAN UDA
1.	<b>BEKAS PEMEGANG TOL (BPTOL)</b>	<p>a. Bekas Pemegang TOL adalah pemilik rumah bernombor dan merupakan penduduk asal di Tanjong Tokong yang mendapat lesen kependudukan sementara sebelum tanah diberi milik kepada UDA.</p> <p>b. Pembeli rumah BPTOL dengan segala dokumen yang sah.</p> <p>c. Wakil BPTOL</p> <p>i. Suami/isteri kepada BPTOL atau</p> <p>ii. Anak yang menetap di rumah berkenaan atau</p> <p>iii. Sekiranya tidak ada yang menetap di tapak, Anak yang tinggal di luar akan diambil kira untuk menerima tawaran kepada BPTOL.</p>	<p>a. Rumah ganti rumah 850 k.p. (berlif) secara percuma.</p> <p>b. Sagu hati RM3,500 – pindah ke Warisan Tanjung 2</p> <p>c. Sagu hati RM1,000 - pindah ke Penempatan Sementara</p> <p>d. Pindah ke rumah sementara/transit di Pangsapuri Selasih Court.</p> <p>e. Sekiranya BPTOL meninggal dunia maka hak BPTOL diturunkan kepada satu (1) wakil sah BPTOL tertakluk kepada Waris BPTOL mendapatkan Perintah Harta Pusaka atau dilantik sebagai Pentadbir Harta Pusaka oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Hanya seorang waris BPTOL yang sah akan ditawarkan unit 850 k.p.</p> <p>f. Sekiranya premis tersebut dijual secara automatik gugurlah taraf BPTOL dimana pemilik baru akan menerima tawaran yang sama spt. BPTOL.</p>
		<p>a. Kedai yang terdapat di tapak semasa bancian 2003 dan masih beroperasi sehingga notis pengosongan dikeluarkan pada 2021.</p>	<p>a. Pemilik kedai layak membeli rumah 800 k.p. dengan diskaun 45% dari harga jualan semasa Kos Sederhana Rendah (LMC) yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.</p> <p>b. Keutamaan kepada pemilik kedai membeli kedai dengan diskaun RM45,000 atau menyewa kedai di Parcel 4B / Warisan Tanjung 2.</p>

BIL	KATEGORI	TAKRIF	TAWARAN UDA
2.	<b>PENUMPANG BPTOL (PBPTOL)</b>	<p>a. Waris Bekas Pemegang TOL adalah anak kepada BPTOL yang telah berumah tangga dan menetap di premis tersebut semasa bancian Julai 2003.</p> <p>b. Menumpang secara percuma.</p> <p>c. Terus berada di tapak sehingga Notis Pengosongan dikeluarkan pada Tahun 2021.</p>	<p>a. Rumah ganti rumah 800 k.p. secara percuma.</p> <p>b. Sagu hati RM2,000 pindah ke Warisan Tanjung.</p> <p>c. Sagu hati RM1,000 pindah ke Penempatan Sementara</p> <p>d. Pindah ke rumah sementara/transit di Pangsapuri Selasih Court.</p> <p>e. Sekiranya PBPTOL meninggal dunia maka hak PBPTOL diturunkan kepada satu (1) wakil sah PBPTOL tertakluk kepada Waris PBPTOL mendapatkan Perintah Harta Pusaka atau dilantik sebagai Pentadbir Harta Pusaka oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Hanya seorang waris PPTOL yang sah akan ditawarkan unit 800 k.p.</p>

BIL	KATEGORI	TAKRIF	TAWARAN UDA
3.	<b>RUMAH TIADA NOMBOR (RTN)</b>	<p>a. Rumah Tiada Nombor adalah pemilik rumah yang dibina sendiri tanpa kebenaran tuan tanah (UDA).</p> <p>b. Rumah yang dibina berada di tapak semasa bancian 2003 dan bukan selepas tarikh berkenaan.</p> <p>c. Terus berada di tapak sehingga Notis Pengosongan dikeluarkan pada Tahun 2021.</p>	<p>a. Rumah ganti rumah 800 k.p. secara percuma.</p> <p>b. Sagu hati RM2,000 pindah ke Warisan Tanjung</p> <p>c. Sagu hati RM1,000 pindah ke Penempatan Sementara</p> <p>d. Pindah ke rumah sementara/transit di Pangsapuri Selasih Court.</p> <p>e. Sekiranya pemilik asal telah meninggal dunia, waris tidak layak menuntut ganti rumah. Hanya waris yang berkelamin yang menetap di premis ini akan diperuntukan unit secara percuma 800 k.p.</p>
4.	<b>PENYEWA/ SEPARA SEWA</b>	<p>a. Penyewa atau separa sewa yang berumah tangga (kelamin) yang menetap di Tanjung Tokong semasa bancian dijalankan.</p> <p>b. Penyewa ditakrifkan telah menyewa di rumah berkenaan melebihi tempoh 10 tahun semasa bancian dibuat pada 2003.</p> <p>c. Terus berada di tapak sehingga Notis Pengosongan dikeluarkan pada Tahun 2021.</p>	<p>a. Kelayakan membeli rumah dengan diskaun 45% daripada harga jualan atau wang ehsan RM5,000 dan keluar dari tapak.</p> <p>b. Tawaran pembelian dengan harga diskaun 45% hanya diberikan kepada penyewa-penyewa yang telah menetap di Tanjung Tokong tidak kurang daripada 10 tahun pada Julai 2003.</p> <p>c. Pindah ke rumah sementara/transit di Pangsapuri Selasih Court dengan bayaran sewa RM150.00 sebulan.</p>

- (i) Terdapat 173 bilangan rumah di kawasan Kampung Tanjung Tokong (Warisan Tanjung 2) adalah Bekas Pemegang TOL (BPTOL) yang masih tinggal di atas tapak Fasa 4B dan 4C.
- (ii) ULNSB dalam proses pemindahan penduduk Kampung Tanjung Tokong (Warisan Tanjung 2) bermula pada September 2021 ke Pangsapuri Warisan Tanjung 1 dan selebihnya ke penempatan sementara ke Selasih Court.
- (iii) Fasa 4B dan 4C akan dikosongkan dimana penduduk akan dipindahkan ke rumah transit sehingga penyiapan Fasa 4C. (650 units).
- (iv) ULNSB telah menjemput penduduk Warisan Tanjung 2 (Fasa 4B & 4C) bermula pada April 2021 secara berperingkat untuk menghadiri sesi taklimat dan kemaskini maklumat penduduk dan sesi ini telah berakhir pada Disember 2021.

**3.0 Penduduk Tanjung Tokong Yang Terlibat dengan penempatan semula mengikut Data Bancian yang telah dilaksanakan Tahun 2003 oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sepertimana yang diluluskan Jawatankuasa Perancangan Dan Penyelesaian Pembangunan (JPPP) Tanjung Tokong yang dipengerusikan oleh YB TKM 1 Pulau Pinang: -**

<b>BIL.</b>	<b>KAWASAN BANCIAN</b>	<b>BP TOL</b>	<b>PBP TOL</b>	<b>Jumlah</b>
<b>1.</b>	<b>Parcel 4A</b>	<b>67</b>	<b>292</b>	<b>359</b>
<b>2.</b>	<b>Parcel 4B</b>	<b>30</b>	<b>79</b>	<b>109</b>
<b>3.</b>	<b>Parcel 4C</b>	<b>143</b>	<b>240</b>	<b>383</b>
<b>4.</b>	<b>Parcel 5 (Kg Cina)</b>	<b>70</b>	<b>172</b>	<b>242</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>310</b>	<b>783</b>	<b>1,093</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

10. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

- (a) Berapakah keuntungan PBA bagi tahun 2020, 2021, 2022 dan 2023?
- (b) Bagaimana keuntungan ini digunakan demi memastikan keselamatan air di Pulau Pinang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. (a) Jumlah kadar keuntungan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) (right after Tax – PAT) bagi tahun 2020, 2021, 2022 dan 2023 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>	<b>2022</b>	<b>2023</b>
<b>Keuntungan (RM Juta)</b>	34.21	44.03	77.89	34.32

- (b) PBAPP akan menggunakan keuntungan yang diperolehi untuk menampung perbelanjaan operasi dan perbelanjaan pembangunan fasiliti bekalan air. Antara projek-projek infrastruktur bekalan air yang akan dibangunkan segera bagi meningkatkan perkhidmatan pembekalan dan daya tahan air negeri adalah seperti berikut:
  - (i) Pelan Kontingensi Air PBAPP 2030 (WCP 2030) dengan anggaran kos pelaburan sebanyak RM1.18 billion yang akan meneroka tiga (3) sumber air mentah tambahan baru di Seberang Perai (Empangan Mengkuang, Sungai

Kerian dan Sungai Perai) serta meningkatkan kapasiti rawatan air di Seberang Perai dan kapasiti pengepaman air terawat ke bahagian pulau;

- (ii) Saluran Paip Sungai Perai 1,350mm baharu yang “melintasi Sungai”;
- (iii) Tambahan saluran paip 400 juta liter sehari (JLH) untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran Empangan Mengkuang yang diperbesarkan kepada 1,000 JLH untuk meminimumkan ancaman kemalangan Sungai Muda pada masa hadapan; dan
- (iv) Projek saluran paip dan penggantian saluran paip untuk mengelakkan gangguan bekalan air tidak berjadual dan mengurangkan kehilangan air tidak berhasil (NRW).

Selain itu, PBAPP juga telah mengambil inisiatif melaksanakan pemberian subsidi air kepada pengguna domestik di Pulau Pinang dengan jumlah sebanyak RM116 juta pada tahun 2023 hasil daripada keuntungan yang diperolehi.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

11. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).
- (a) Berapakah jumlah kutipan cukai pintu pada tahun 2020, 2021, 2022 dan 2023?
  - (b) Berapakah peruntukan yang disalur untuk projek pembangunan bagi tahun 2020, 2021, 2022 dan 2023?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. (a) Jumlah keseluruhan kutipan cukai pintu MBPP bagi tahun 2020, 2021, 2022 dan 2023 adalah sebanyak RM928,570,949. Perincian kutipan cukai pintu mengikut tahun adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN (RM)</b>
2020	211,769,353
2021	233,072,862
2022	233,776,957
2023	249,951,777
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>928,570,949</b>

- (b) Jumlah keseluruhan peruntukan yang disalurkan oleh pihak MBPP bagi pelaksanaan projek pembangunan untuk tahun 2020, 2021, 2022 dan 2023 adalah berjumlah RM194,472,325. Perincian peruntukan tersebut mengikut tahun adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>PERUNTUKAN PROJEK PEMBANGUNAN (RM)</b>
2020	102,352,162
2021	47,050,125
2022	24,438,738
2023	20,631,300
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>194,472,325</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

12. Apakah fungsi Kolam Air Guillemard?

(a) Adakah PBA bercadang memperbesarkan kolam ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Kolam Air Guillemard berfungsi untuk menyimpan air terawat daripada Loji Rawatan Air (LRA) Guillemard dan LRA Batu Ferringhi. Air tersebut akan disalurkan kepada pengguna di kawasan Pepper Estate, Taman Hong Seng dan sekitar Mount Erskine di Tanjung Tokong.

(a) Sumber air mentah untuk kedua-dua LRA Guillemard dan LRA Batu Ferringhi adalah dari kawasan tadahan air Batu Ferringhi dan Empangan Teluk Bahang. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) tidak bercadang untuk memperbesarkan kolam air ini kerana kedua-dua LRA ini masih beroperasi di bawah kapasiti masing-masing.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

13. Apakah perancangan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) terhadap Air Terjun di Taman Botani?
- (a) Adakah kawasan ini akan dibuka sebagai destinasi pelancongan?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBA) tiada perancangan untuk membuka kawasan Air Terjun di Taman Botani sebagai destinasi pelancongan memandangkan kawasan ini merupakan sumber air mentah untuk minuman serta diwartakan sebagai Kawasan Larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

14. Fi Hotel.

- (a) Berapakah kutipan Fi Hotel pada tahun 2019, 2022 dan 2023?
- (b) Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk menstruktur semula kutipan ini termasuk melantik agensi lain untuk melaksanakan kutipan?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. (a) Kutipan Fi Hotel pada tahun 2019, 2022 dan 2023 seperti di bawah:

<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>	<b>KUTIPAN MENGIKUT TAHUN (RM)</b>		
	<b>2019</b>	<b>2022</b>	<b>2023</b>
MBPP	7,924,236.00	1,189,662.00	8,590,084.12
MBSP	1,482,247.00	268,929.00	2,038,447.00
<b>JUMLAH</b>	<b>9,406,483.00</b>	<b>1,458,591.00</b>	<b>10,628,531.12</b>

- (b) Susulan daripada maklum balas Pengauditan Pematuhan Kutipan dan Bayaran Akaun Amanah Fi Hotel (60054) bagi Tahun 2022, Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan dengan meluluskan penutupan Akaun Amanah Fi Hotel negeri Pulau Pinang serta cadangan bagi kutipan dan bayaran Fi Hotel untuk disalurkan sebagai hasil Negeri.

Selepas daripada penutupan Akaun Amanah Fi Hotel ini, kutipan Fi Hotel telah disyorkan untuk diintegrasikan melalui sistem atas talian yang digunapakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Hal ini adalah bagi melancarkan lagi proses pengurusan maklumat dan mengelakkan daripada berlakunya ketidakpatuhan kepada tatakelola pentadbiran dan kewangan melibatkan kutipan Fi Hotel. Syor pengintegrasian melalui sistem PBT ini bermaksud kutipan Fi Hotel ini telah diputuskan untuk dilaksanakan di bawah kedua-dua PBT. Justeru itu, pada masa ini Kerajaan Negeri tiada cadangan untuk melantik agensi lain untuk melaksanakan kutipan Fi Hotel.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

15. Taman Belia (Perbandaran).

- (a) Selain melanjutkan waktu buka kepada 10.00 malam, apakah perancangan jangka panjang MBPP terhadap taman ini?
- (b) Adakah MBPP akan membina tempat letak kereta bertingkat untuk pengunjung taman ini?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. (a) Waktu operasi di Taman Belia (Perbandaran) telah dilanjutkan sehingga pukul 10.00 malam kepada orang awam bagi menjalankan aktiviti riadah sukan gimnasium dan bola sepak pada waktu malam. Untuk perancangan jangka panjang pula, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah merancang beberapa aktiviti riadah yang lain seperti zumba, senamrobik, penyediaan laluan mikromobiliti dan penyediaan trek mini bagi kereta kawalan jarak jauh.
- (b) Setakat ini, pihak MBPP tiada perancangan untuk membina tempat letak kereta bertingkat untuk pengunjung di Taman Belia. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan pada masa hadapan, pihak MBPP akan mengkaji semula kebolehlaksanaan pembinaan tempat letak kereta di taman tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

16. Senaraikan syarikat atau kontraktor dari negara China yang membuat pelaburan atau melaksanakan projek infrastruktur di Pulau Pinang sejak tahun 2018.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

16. PDC hanya melantik kontraktor-kontraktor tempatan yang berdaftar dengan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan memegang Sijil Pendaftaran CIDB bagi menjalankan projek-projek infrastruktur di Pulau Pinang dan Penang Development Corporation (PDC) khususnya.

Selain itu, bagi syarikat pembuatan, sebanyak tiga (3) syarikat daripada negara China telah mengembangkan perniagaan mereka di Taman Perindustrian PDC sejak tahun 2018 sehingga kini. Tiga (3) syarikat tersebut adalah IMR Malaysia Sdn. Bhd., Memed Sdn. Bhd. dan TF-AMD Microelectronics (Penang) Sdn. Bhd.

Berdasarkan data daripada InvestPenang, terdapat 24 syarikat dari negara China yang telah membuat pelaburan dalam bidang pembuatan di Pulau Pinang sejak tahun 2018 iaitu:

- (i) Accelink Technologies;
- (ii) Anda Technologies;
- (iii) BYD Electronics;
- (iv) Computime;
- (v) Dongguan IMR;
- (vi) Everything Industrial;

- (vii) Fastrain Technology;
- (viii) Global Supreme Industry;
- (ix) Guangdong Ruihan;
- (x) Hongrita Precision Component;
- (xi) Huaya Precision;
- (xii) In-Tech Electronics;
- (xiii) INV New Material;
- (xiv) Kaifa Technology;
- (xv) Linktel Technology;
- (xvi) Meitoku;
- (xvii) Minami Electronics;
- (xviii) Ningbo SJ Electronics;
- (xix) Quectel Wireless Solutions;
- (xx) Sunmax Energy;
- (xxi) Suzhou WLCSP;
- (xxii) Tonly Electronics;
- (xxiii) Vtech Telecommunication; dan
- (xxiv) Winner Sky Technology.

Namun begitu, terdapat beberapa syarikat yang masih dalam peringkat rundingan dan pengesahan secara rasmi kepada Kerajaan Negeri. InvestPenang sentiasa memberi khidmat nasihat dan memudahcara syarikat yang berpotensi untuk melabur di Pulau Pinang dari semasa ke semasa.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

17. Program i-Sejahtera.

- (a) Berapakah perbelanjaan Kerajaan Negeri setiap tahun untuk membiayai semua skim di bawah Program i-Sejahtera?
- (b) Demi menjamin kelestarian program ini, apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Program kebajikan i-Sejahtera telah pun dilaksanakan sejak tahun 2010 yang berperanan sebagai satu bentuk sumbangan penghargaan khususnya kepada rakyat Negeri Pulau Pinang.

Keseluruhannya, terdapat lima program kebajikan yang telah diintegrasikan di bawah jenama i-Sejahtera merangkumi:

- (i) Program Penghargaan Warga Emas;
  - (ii) Program Bantuan Ibu Tunggal;
  - (iii) Program Suri Emas;
  - (iv) Program Anak Emas; dan
  - (v) Program Bantuan Orang Kurang Upaya.
- (a) Berdasarkan trend perbelanjaan tahun 2021 hingga 2024 (bayaran Fasa 2), anggaran perbelanjaan setiap tahun bagi program i-Sejahtera adalah berdasarkan kepada jadual seperti di **LAMPIRAN A**.

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus komited dalam usaha untuk memberikan sumbangan penghargaan sebagai tanda keprihatinan kepada rakyat. Justeru itu, demi menjamin kelestarian program ini, Kerajaan Negeri akan meneliti semula keberkesanan bantuan yang disalurkan supaya memberi fokus kepada golongan yang memerlukan. Langkah ini akan turut disusuli dengan tindakan bagi pengemaskinian Garis Panduan i-Sejahtera supaya relevan dengan pembaharuan semasa dan kaedah bayaran yang lebih mudah, efektif dan mesra rakyat.

## LAMPIRAN A

LAPORAN PENERIMA DAN BAYARAN I-SEJAHTERA								
BAYARAN i-SEJAHTERA	2024 (SEHINGGA FASA 2)		2023		2022		2021	
	PENERIMA	JUMLAH	PENERIMA	JUMLAH	PENERIMA	JUMLAH	PENERIMA	JUMLAH
	274,723	RM50,851,100.00	282,005	RM51,088,300.00	277,258	RM49,977,500.00	243,799	RM33,908,280.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

18. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
- (a) Berapakah jumlah pemberian kepada penerima bantuan JKM di Pulau Pinang pada tahun 2023?
  - (b) Berapakah peruntukan dari Persekutuan kepada JKM Pulau Pinang bagi tahun 2023?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah diwujudkan dengan tujuan membantu kerajaan menangani masalah dalam masyarakat terutamanya berkaitan dengan kebajikan dan sosial masyarakat. Oleh itu, antara peranan yang paling bermakna yang dipikul oleh JKM adalah untuk memberikan bantuan kewangan kepada setiap golongan yang memerlukan. Justeru itu, dalam merealisasikan tanggungjawab tersebut, JKM Pulau Pinang khususnya telah menerima bantuan negeri dan bantuan persekutuan untuk disalurkan kepada penerima bantuan JKM yang layak.
- (a) Jumlah pemberian kepada penerima bantuan JKM di Pulau Pinang pada tahun 2023 adalah seperti di **LAMPIRAN A** berjumlah RM7,511,013.30 bagi peruntukan negeri dan RM104,732,563.10 bagi peruntukan persekutuan.

<b>2023</b>	<b>PERBELANJAAN (RM)</b>
Negeri	7,511,013.30
Persekutuan	104,732,563.10

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

19. Berikan perincian rumah yang dibina tetapi tidak terjual (*overhang*) di Pulau Pinang bagi tahun 2022 dan 2023.
- (a) Apakah langkah kerajaan bagi mengatasi masalah ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Maklumat pasaran hartanah secara keseluruhan direkodkan oleh Pusat Maklumat Hartanah Negara (*National Property Information Center-NAPIC*) iaitu agensi khusus di bawah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan Malaysia. Antara laporan yang kerap menjadi perhatian adalah unit-unit *overhang*. Ia merujuk unit yang tidak terjual melebihi sembilan (9) bulan dari tarikh Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Compliance and Completion - CCC*) dikeluarkan.

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh NAPIC pada tahun 2022, terdapat sebanyak 3,593 unit *overhang* direkodkan, manakala 3,001 unit bagi tahun 2023 iaitu pengurangan sebanyak 16%. Perincian projek *overhang* tersebut mengikut kategori bangunan adalah seperti di **LAMPIRAN A1** dan **LAMPIRAN A2**. Maklumat ini merupakan analisis keseluruhan perumahan di Pulau Pinang termasuk Rumah Mampu Milik (RMM) dan perumahan bernilai RM1,000,000.00 dan ke atas.

Berdasarkan statistik mengikut julat harga, jumlah unit *overhang* telah menurun daripada 3,593 unit dengan nilai RM2.74 bilion pada tahun 2022 kepada 3,001 unit dengan nilai RM2.42 bilion pada 2023 iaitu sebanyak 16% dengan penurunan ketara bagi unit berharga antara RM300,001.00 hingga RM500,000.00 (33%), diikuti oleh unit berharga

antara RM800,001.00 hingga RM1,000,000.00 (32%), unit berharga RM300,000.00 ke bawah (32%) dan unit berharga antara RM500,001.00 hingga RM800,000.00 (20%). Walau bagaimanapun, berlaku peningkatan sebanyak 34% bagi unit berharga lebih daripada RM1,000,000.00. Ini disebabkan pembinaan rumah yang terlalu mahal dan di luar kemampuan orang ramai. Perinciannya adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

- (a) Antara punca berlakunya unit *overhang* ini adalah kerana permintaan perumahan yang rendah akibat kelembapan ekonomi, pengangguran, sentimen pasaran yang lemah, kesukaran mendapatkan pinjaman dan pertukaran pilihan perumahan. Dalam menangani perkara tersebut, Kerajaan Negeri mulai tahun 2020 telah mengambil inisiatif memperkenalkan Kempen Pemilikan Rumah atau *Home Ownership Campaign* (HOC) dan Dasar Rangsangan Sektor Hartanah Peringkat Negeri Pulau Pinang. Dasar ini telah dilanjutkan sebanyak tiga (3) kali mulai 10 Jun 2020 hingga 31 Disember 2024. Kempen ini dibuat secara interim sebagai langkah merangsang ekonomi setempat pasca pandemik bagi sektor hartanah. Melalui kempen ini, dapat dilihat prestasi jualan adalah kurang baik pada tahun 2022 dengan mencatatkan peratusan sebanyak 32.4% kesan daripada pandemik iaitu menyebabkan pengurangan sebanyak 32.7% berbanding tahun sebelumnya. Namun begitu, pada tahun 2023, prestasi jualan meningkat ke 41.2% iaitu peningkatan sebanyak 8.8% berbanding tahun sebelumnya. Ini menunjukkan inisiatif ini telah berjaya merancakkan kembali sektor hartanah khususnya di negeri Pulau Pinang.

Antara inisiatif yang dilanjutkan melalui kempen ini bagi menyelesaikan masalah pemilikan dan penjualan unit-unit kediaman bernilai RM300,000.00 dan ke bawah adalah dengan menurunkan had siling harga maksimum RMM sedia ada sebanyak 10% iaitu dari RM300,000.00 di kawasan pulau ke RM270,000.00 seunit dan RM250,000.00 di kawasan Seberang Perai ke RM225,000.00 seunit dengan keluasan minimum 850 kaki persegi. Jadual kategori, saiz keluasan semasa dan baharu seperti di **LAMPIRAN C**.

Dengan inisiatif ini juga, pemaju-pemaju hartanah mendapat beberapa manfaat seperti pengurangan kadar bayaran pemajuan, pengurangan kadar sumbangan pamaritan dan

sebagainya. Ini akan memberi keseimbangan kepada pemain-pemain industri tempatan dan ia dapat memberi galakan kepada pemaju untuk membina lebih banyak unit RMM dengan harga RM300,000.00 ke bawah.

Melalui inisiatif tersebut, terdapat pengurangan ketara bagi unit berharga RM300,000.00 ke bawah daripada 650 unit dengan nilai RM0.14 bilion pada tahun 2022 ke 492 unit dengan nilai RM0.11 bilion pada tahun 2023 (32%).

## LAMPIRAN A1

### PERUMAHAN SIAP TIDAK TERJUAL (*OVERHANG*) TAHUN 2022 (SUKUAN PERTAMA HINGGA SUKUAN KEEMPAT) PULAU PINANG MENGIKUT KATEGORI BANGUNAN

Negeri / Daerah	Teres 1 Tingkat	Teres 2 - 3 Tingkat	Rumah berkembar 1 Tingkat	Rumah berkembar 2-3 Tingkat	Rumah Sesebuah	Rumah Bandaran	Kluster	Rumah Kos Rendah	Flat Kos Rendah	Flat	Kondominium/ Pangsapuri	Jumlah
<b>PULAU PINANG</b>	<b>4</b>	<b>145</b>	<b>13</b>	<b>168</b>	<b>121</b>	<b>56</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>29</b>	<b>248</b>	<b>2,809</b>	<b>3,593</b>
Timur Laut	0	28	0	14	24	56	0	0	14	0	1,440	1,576
Barat Daya	0	40	0	22	31	0	0	0	0	0	816	909
Seberang Perai Selatan	0	0	0	71	0	0	0	0	0	0	31	102
Seberang Perai Tengah	0	23	0	34	41	0	0	0	15	0	390	503
Seberang Perai Utara	4	54	13	27	25	0	0	0	0	248	132	503

JULAT HARGA	UNIT OVERHANG	NILAI OVERHANG (RM Billion)
a. RM300,000 ke bawah	650	0.14
b. RM300,001 - RM500,000	1,140	0.48
c. RM500,001 - RM800,000	451	0.27
d. RM800,001 - RM1,000,000	645	0.57
e. RM1,000,000 ke atas	707	1.28
<b>JUMLAH</b>	<b>3,593</b>	<b>2.74</b>

**Nota :** 1. *Overhang* – Siap belum terjual dan memperoleh Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance (CCC)*) melebihi 9 bulan.

## LAMPIRAN A2

### PERUMAHAN SIAP TIDAK TERJUAL (*OVERHANG*) TAHUN 2023 (SUKUAN PERTAMA HINGGA SUKUAN KEEMPAT) PULAU PINANG MENGIKUT KATEGORI BANGUNAN

Negeri / Daerah	Teres 1 Tingkat	Teres 2 - 3 Tingkat	Rumah berkembar 1 Tingkat	Rumah berkembar 2-3 Tingkat	Rumah Sesebuah	Rumah Bandaran	Kluster	Rumah Kos Rendah	Flat Kos Rendah	Flat	Kondominium/ Pangsapuri	Jumlah
<b>PULAU PINANG</b>	<b>0</b>	<b>216</b>	<b>0</b>	<b>57</b>	<b>63</b>	<b>55</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>33</b>	<b>201</b>	<b>2,376</b>	<b>3,001</b>
Timur Laut	0	47	0	7	14	55	0	0	13	0	1,118	1,254
Barat Daya	0	29	0	13	30	0	0	0	0	0	927	999
Seberang Perai Selatan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	23	23
Seberang Perai Tengah	0	79	0	37	9	0	0	0	20	0	159	304
Seberang Perai Utara	0	61	0	0	10	0	0	0	0	201	149	421

JULAT HARGA	UNIT OVERHANG	NILAI OVERHANG (RM Billion)
a. RM300,000 ke bawah	492	0.11
b. RM300,001 - RM500,000	765	0.36
c. RM500,001 - RM800,000	360	0.21
d. RM800,001 - RM1,000,000	436	0.43
e. RM1,000,000 ke atas	948	1.31
<b>JUMLAH</b>	<b>3,001</b>	<b>2.42</b>

**Nota :** 1. *Overhang* – Siap belum terjual dan memperoleh Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance (CCC)*) melebihi 9 bulan

## LAMPIRAN B

### ANALISIS NILAI OVERHANG MENGIKUT JULAT HARGA (2022 DAN 2023) BAGI PERUMAHAN SIAP TIDAK TERJUAL (*OVERHANG*)

JULAT HARGA	BIL. UNIT SIAP DAN BELUM TERJUAL MELEBIHI TEMPOH 9 BULAN		PERATUSAN PENINGKATAN/ PENURUNAN
	2022	2023	
a. RM300,000 ke bawah	650	492	(24%)
b. RM300,001 - RM500,000	1,140	765	(33%)
c. RM500,001 - RM800,000	451	360	(20%)
d. RM800,001 - RM1,000,000	645	436	(32%)
e. RM1,000,000 ke atas	707	948	34%
<b>JUMLAH</b>	<b>3,593</b>	<b>3,001</b>	<b>(16%)</b>

## LAMPIRAN C

### HAD SILING DAN KELUASAN RUMAH MAMPU MILIK (RMM) MENGIKUT PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

JENIS HARTANAH	HAD SILING/KELUASAN ASAL	HAD SILING/KELUASAN HOC
Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)	C3 RM300,000.00 (850 kps)	C3 RM270,000.00 (850 kps) C3 RM300,000.00 (900 kps)
	C2 RM200,000.00 (800 kps)	C2 RM180,000.00 (800 kps)
	C1 RM150,000.00 (750 kps tanpa kemasan)	C1 RM135,000.00 (750 kps tanpa kemasan)
Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)	C3 RM250,000.00 (900 kps)	C3 RM225,000.00 (900 kps) C3 RM250,000.00 (950 kps)
	C2 RM200,000.00 (850 kps)	C2 RM180,000.00 (850 kps)
	C1 RM150,000.00 (750 kps)	C1 RM150,000.00 (800 kps) C1 RM135,000.00 (750 kps)

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

20. Penyakit Leprosy.

- (a) Apakah punca penyakit Leprosy kembali menular di Pulau Pinang?
- (b) Apakah langkah yang akan diambil oleh Jabatan Kesihatan Negeri bagi menghentikan penularan penyakit ini?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Penyakit Kusta (*Leprosy*) adalah disebabkan oleh sejenis bakteria dipanggil *Mycobacterium Leprae* yang berjangkit secara perlahan-lahan dan menyerang bahagian kulit, saraf kaki dan tangan, serta lain-lain organ seperti mata dan hidung. Data menunjukkan, tiada kes dilaporkan daripada bulan Januari sehingga April 2024.

- (a) Punca terjadinya penyakit adalah disebabkan oleh:
  - (i) Cara jangkitan.  
Ia merebak dari seorang ke seseorang melalui batuk dan bersin(*airborne*). Faktor-faktor persekitaran yang tidak bersih dan keadaan tempat tinggal yang sesak adalah penyumbang kepada merebaknya penyakit ini di samping kekurangan zat makanan dan daya tahan badan yang lemah. Tanda-tanda awal seperti tompok-tompok putih pada muka dan tubuh badan adalah sangat tidak spesifik dan dianggap seperti penyakit kulit biasa seperti panau dan sebagainya.

- (ii) Tempoh inkubasi adalah lama iaitu di antara 1 hingga 40 tahun. Jadi kuman ini boleh berada dalam badan seseorang yang telah dijangkiti untuk jangka masa yang lama sebelum menunjukkan simptom.
  - (iii) Pergerakan manusia.
    - Dari kawasan endemik dengan kadar *prevalen* yang tinggi seperti di perkampungan Orang Asli di negeri Perak dan Pahang di Semenanjung dan di kalangan pribumi Sabah dan Sarawak.
    - Kemasukan warga asing dari negara-negara yang mempunyai kadar *prevalen* kes kusta yang tinggi seperti Indonesia, India dan Nepal juga berkemungkinan boleh menyumbang kepada penularan kusta di Pulau Pinang
- (b) Langkah yang diambil bagi menghentikan penularan ini adalah seperti berikut:
- (i) Diagnosa awal dan rawatan.

Diagnosis awal dan rawatan sempurna bagi seseorang yang dijangkiti, dapat mengawal Penyakit Kusta. Semua pegawai perubatan dimaklumkan melalui kursus yang diadakan secara berkala untuk merawat/memantau pesakit dengan aduan panau yang berulang. Pegawai Perubatan telah dimaklumkan supaya mempunyai '*high index of suspicious*' sekiranya pesakit datang berulang kali untuk masalah kulit yang sama.
  - (ii) Saringan kontak.

Mereka yang mempunyai pertalian dengan pesakit kusta dikehendaki menjalani ujian pengesanan kusta. Pemeriksaan tahunan kulit hendaklah dilakukan ke atas kontak rapat sekurang-kurangnya dalam tempoh 5 tahun bermula dari terdedahnya kepada pesakit kusta.
  - (iii) *Single Dose Rifampicin Post Exposure Prophylaxis* (SDR-PEP).

SDR-PEP adalah ubat *profilaksis* yang diberikan kepada kontak rapat isi rumah pesakit kusta dengan harapan untuk mengelakkan jangkitan dikalangan kontak rapat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

21. Tanah Industri Byram.
- (a) Senaraikan syarikat yang membida pembelian tanah ini dan adakah sudah ada pemenang?
  - (b) Berapa keuntungan yang dijangka dinikmati oleh PDC melalui penjualan ini?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

21. (a) Sebanyak tujuh (7) syarikat telah menyertai bidaan ini manakala nama-nama syarikat yang membida pembelian tanah ini masih di peringkat penilaian oleh pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). Justeru, tiada sebarang maklumat berkaitan pembida dapat dinyatakan sehingga ia diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tender PDC.
- (b) Jangkaan harga jualan yang akan diperolehi PDC dalam bentuk kewangan adalah sebanyak RM 780.0 juta berdasarkan nilai tanah sahaja. Namun yang demikian, pembangunan ke atas sektor pekerjaan, pembangunan industri yang saling melengkapi dan menaik taraf kemudahan infrastruktur sedia ada merupakan manfaat yang akan dinikmati oleh Kerajaan Negeri dan penduduk sekitarnya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

22. Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC).
- (a) Senaraikan semua GLC di Pulau Pinang dan juga senarai Pengerusi serta CEO / Pengurus Besar GLC ini.
  - (b) Senaraikan juga GLC yang memberi balik keuntungan kepada Kerajaan Negeri.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

22. Terdapat lima belas (15) Syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan satu (1) di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI).
- (a) Senarai semua GLC di bawah CMI dan SSI dan senarai Pengerusi serta CEO / Pengurus Besar adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
  - (b) Lima belas (15) GLC di bawah CMI dan satu (1) GLC di bawah SSI mendapat geran tahunan daripada Kerajaan Negeri dan merupakan syarikat yang menjalankan aktiviti bukan berteraskan keuntungan (*non-profit activity*) dan tiada hasil kewangan yang disumbangkan kepada Kerajaan Negeri.

## SENARAI GLC DI BAWAH CMI DAN SSI DAN SENARAI Pengerusi SERTA CEO / PENGURUS BESAR

No.	Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC)	Pengerusi	CEO/Pengurus Besar
<b>CMI</b>			
1.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.	YAB Chow Kon Yeow  EXCO Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi	<b><u>CEO</u></b>  YBhg. Dato' Seri Farizan Bin Darus
2.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	YB Lim Siew Khim  (EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam)	<b><u>CEO</u></b>  YBhg. Dato' Ong Bee Leng
3.	Penang Science Cluster	YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh  (EXCO Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi)	<b><u>CEO</u></b>  YBhg. Dato' Ooi Peng Ee
4.	Penang Youth Development Corporation (PYDC Sdn. Bhd.)	YB Gooi Zi Sen  (EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan)	<b><u>Pengurus Besar</u></b>  YBrs. Dr. Gwee Sai Ling (Berhenti pada 30 April 2024)
5.	George Town World Heritage Incorporated	YAB Chow Kon Yeow  EXCO Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi	<b><u>Pengurus Besar</u></b>  YBrs. Dr. Ang Ming Chee

<b>No.</b>	<b>Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC)</b>	<b>Pengerusi</b>	<b>CEO/Pengurus Besar</b>
6.	Penang Tech Centre	YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh  (EXCO Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi)	<b><u>CEO</u></b>  Encik Ts. Khoo Boo Wooi
7.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	YB Dato' Dr. Mohamad Bin Abdul Hamid  (EXCO Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat)	<b><u>CEO</u></b>  Encik Mohd Azraie Bin Ramli
8.	Penang FC Sdn. Bhd.	YB Gooi Zi Sen  (EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan)	<b><u>CEO</u></b>  Encik Jeffrey Chew Gim Eam
9.	Digital Penang Sdn. Bhd.	YAB Chow Kon Yeow  EXCO Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi	<b><u>CEO</u></b>  Encik Ts. Ng Kwang Ming
10.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	YB Wong Hon Wai  (EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif)	<b><u>CEO</u></b>  Encik Ashwin A/L Gunasekeran
11.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	YB Wong Hon Wai  (EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif)	<b><u>CEO</u></b>  Encik Ooi Chok Yan

No.	Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC)	Pengerusi	CEO/Pengurus Besar
12.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	YB Lim Siew Khim  (EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam)	<b><u>Pengurus Besar</u></b>  Encik Au Chong Yee
13.	Penang STEM Sdn. Bhd.	YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh  (EXCO Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi)	<b><u>Pengurus Besar</u></b>  Encik Richard Chung Chok Yin
14.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	YAB Chow Kon Yeow  EXCO Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi	<b><u>Pengurus Besar</u></b>  Puan Josephine Tan Mei Ling
15.	George Town Conservation Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCCDC)	YAB Chow Kon Yeow  EXCO Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi	Sekretariat – Pengurusan CMI dan Think City

No.	Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC)	Pengerusi	CEO/Pengurus Besar
<b>SSI</b>			
1.	Invest-in-Penang Berhad	YAB Chow Kon Yeow  EXCO Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi	<b><u>CEO</u></b>  YBhg. Dato' Loo Lee Lian

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

23. Berikutan Projek Kereta Kabel Bukit Bendera yang akan menjadi tarikan pelancong yang baru, adakah kerajaan akan melebarkan Jalan Utama dan Jalan Gotlieb bagi menampung kenderaan yang semakin banyak?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Bedasarkan Laporan Kajian Impak Lalu Lintas yang dijalankan ke atas Jalan Utama dan Jalan Gottlieb, jalan-jalan ini tidak akan dilebarkan untuk Projek Kereta Kabel Bukit Bendera kerana tiada keperluan memandangkan waktu puncak untuk pengunjung ke Bukit Bendera adalah di luar waktu puncak lalu lintas di jalan tersebut.

Walau bagaimanapun, sepanjang Jalan Kebun Bunga akan dilebarkan ke paras maksimum bagi menampung aliran lalu lintas di jalan ini apabila Projek Kereta Kabel Bukit Bendera siap kelak. Satu bangunan tempat letak kereta (TLK) bertingkat juga akan dibina di Jalan Kebun Bunga berdekatan dengan Stesen Bawah Kereta Kabel Bukit Bendera boleh menampung sejumlah 700 buah kereta. Selain itu, sebanyak 12 buah tempat letak bas juga akan disediakan berhampiran stesen bawah ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

24. Adakah projek Tebatan Banjir Sungai Pinang juga akan menyelesaikan masalah banjir di Taman Lumba Kuda?
- (a) Berikan perincian projek ini.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Kajian Rekabentuk Terperinci Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Pinang telah menyediakan penyelesaian yang menyeluruh bagi isu banjir di lembangan Sungai Pinang. Berdasarkan saranan dari kajian tersebut, projek ini akan dilaksanakan secara berfasa. Pada waktu ini, projek RTB Sungai Pinang Fasa 1 sedang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan Fasa 1 ini tidak melibatkan kawasan Taman Lumba Kuda.
- (a) Projek RTB Sungai Pinang Fasa 1 sedang dilaksanakan di tapak dengan tempoh projek selama empat (4) tahun mulai 21 September 2023 dan dijangka siap pada 20 September 2027. Jajaran yang terlibat di dalam Fasa 1 ini adalah dari CH1050 (Jambatan Jalan Jelutong) sehingga CH2450 (Kampung Rawa) iaitu sepanjang 1.45 kilometer (km). Skop kerja bagi projek ini adalah seperti berikut:
- (i) Penyiasatan tapak;
  - (ii) Pembersihan tapak;
  - (iii) Penaiktarafan sungai (Pendalaman Jenis 1);

- (iv) Penaiktarafan sungai (Pelebaran Jenis 1A dan pendalaman tebing kiri);
- (v) Penaiktarafan sungai (Pelebaran Jenis 2 dan pendalaman);
- (vi) Pembinaan benteng;
- (vii) Bangunan sampingan;
- (viii) Jambatan Jalan Patani (CH1800);
- (ix) Jambatan pejalan kaki (Jalan Kampung Rawa);
- (x) Rumah pam;
- (xi) Jambatan utiliti; dan
- (xii) Fasiliti mekanikal dan elektrik (Pencawang elektrik dan lain-lain).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

25. Berapakah projek pembinaan rumah sembahyang abu mayat yang telah dilulus Kebenaran Merancang oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)?
- (a) Berikan perincian projek tersebut.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Mengikut rekod jabatan, terdapat tujuh (7) permohonan kebenaran merancang yang telah diluluskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi projek pembinaan kolumbarium (struktur atau bilik atau ruang dalam sesuatu bangunan atau lain-lain bangunan untuk menyimpan abu mayat penganut agama bukan Islam) sehingga Mei 2024.
- (a) Perincian bagi projek tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

**SENARAI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI KOLUMBARIUM, KREMATORIUM DAN "FUNERAL PARLOUR" YANG TELAH DILULUSKAN OLEH MAJLIS**

BIL	NO PM	TARIKH KEMUKA	CADANGAN PEMAJUAN	NO LOT	SEK/MUK	BANDAR / DAERAH	LOKASI	PEMOHON	STATUS	TARIKH DI LULUSKAN
<b>KOLUMBARIUM (7 PERMOHONAN)</b>										
1	JPB/PM/0853(LB)	11/10/1990	MENDIRIKAN 5 TINGKAT KOLUMBARIUM.	10	Mukim 14 Bukit Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Kuil Kek Lok Si	TRUSTEE OF KEK LOK SI TEMPLE	Lulus	1/9/1992
2	JPB/PM/0989(LB)	20/06/1991	MENDIRIKAN 2 TINGKAT KOLUMBARIUM, 1 TINGKAT DEWAN, 1 TINGKAT 4 UNIT DEWAN UPACARA PENGKEBUMIAN, 1 TINGKAT RUMAH TOKONG DAN 1 TINGKAT KUARTERS PENJAGA.	7721	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Jalan Angsana	PERUMAHAN FARLIM (M) SDN. BHD.	Lulus	22/01/1993
3	JPB/PM/3454JLD1	08/02/2002	PEMULIHARAAN BANGUNAN 5 TKT. SEDIADA NO. 11, PEMBINAAN 1 BLOK BANGUNAN INSTITUSI BUDDISH DAN DEWAN MEMORIAL KOLUMBARIUM 8-10 TINGKAT DENGAN 1 SEPARA TEMPAT LETAK KERETA.	488	Seksyen 14 Georgetown	George Town,DTL	Jalan Transfer / Jalan Sultan Ahmad Shah	STAMFORD RAFFLES BY-THE-SEA SDN. BHD	Lulus	24/05/2002
4	MPPP/OSC/PM(0430)/08 (LB)	15/10/2008	MENDIRIKAN a) BLOK A - 5 TINGKAT 'COLUMBARIUM', b) BLOK B - 2 TINGKAT BANGUNAN MELIBATKAN:- TEMPAT SEMBAHYANG, KANTIN, PEJABAT PENTADBIRAN DAN TEMPAT REHAT DI TINGKAT BAWAH, BILIK UNTUK 'ANCESTRAL TABLETS' DI TINGKAT SATU, c) BLOK C - 3 BLOK (6 UNIT) 1 TINGKAT ' FUNERAL PARLOUR', BLOK D - 1 TINGKAT 'SHRINE'.	Sbhg. 858	Mukim 14 Bukit Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Jalan Paya Terubong	UNITED HOKKIEN CEMETERIES	Lulus	20/10/2009
5	MPPP/OSC/PM(0466)/08 (LB)	28/11/2008	MEROBOHKAN 56 UNIT RUMAH SEDIA ADA DAN MENDIRIKAN 1 BLOK ' CREMATORIUM & TEMPAT REHAT ' 1 TINGKAT & 2 BLOK ' COLUMBARIUM ' 5 TINGKAT.	Sbhg. 193 & 1679	Mukim 16 Ayer Itam	Air Hitam,DTL	Jalan Balik Pulau	KEK LOK SI TEMPLE	Lulus	25/05/2010
6	MPPP/OSC/PM(0943)/10 (LB)	26/05/2010	MENDIRIKAN SEBUAH 'COLUMBARIUM' 3 TINGKAT.	Sbhg. 352	Mukim 13 Paya Terubong	Daerah Timur Laut	Jalan Relau	CHINESE PUBLIC CEMETERY SEPULOH KONGSI PG.	Lulus	21/09/2010
7	MBPP/ILCS-OSC/PM/375/2022	8/9/2022	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK MEROBOHKAN 2 UNIT RUMAH SEDIA ADA NO.13-P DAN NO.4, JALAN MOUNT ERSKINE DAN CADANGAN MENDIRIKAN 1 BLOK KOLUMBARIUM 6 TINGKAT YANG MENGANDUNGI:- (I) RUANG PENGEBUMIAN (3 UNIT) (TINGKAT 1); (II) 3 TINGKAT TEMPAT LETAK KENDERAAN (TINGKAT 2-TINGKAT4); (III) 2 TINGKAT KOLUMBARIUM (TINGKAT 5- TINGKAT 6); DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 2842 (LOT LAMA 997), JALAN MOUNT ERSKINE, SEKSYEN 1, BANDAR GEORGE TOWN, DAERAH TIMOR LAUT, PULAU PINANG. UNTUK :- TETUAN UNITED HOKKIEN CEMETERIES	Sebahagian Lot 2842 (Lot Lama 997)	Seksyen 1 Georgetown	George Town,DTL	Jalan Mount Erskine	UNITED HOKKIEN CEMETERIES	Lulus	7/6/2023

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

26. Taman Botani.

- (a) Apakah penambahbaikan yang akan dilaksanakan di Taman Botani demi menarik lebih ramai pengunjung?
- (b) Adakah Jabatan Taman Botani akan dikorporatkan?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

26. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Taman Botani Pulau Pinang telah menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM2.0 juta pada tahun 2024 berbanding RM1.7 juta pada tahun lalu, bagi tujuan penambahbaikan kemudahan dan ameniti di Taman Botani, termasuk untuk program konservasi dan pendidikan alam sekitar. Sebanyak 14 projek telah dirancang pada tahun 2024 dengan agihan yang meliputi butiran berikut:

<b>NO.</b>	<b>BUTIRAN PROJEK</b>	<b>PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)</b>
<b>01</b>	<b>MEMBANGUNKAN DAN MENAIKTARAF KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR PELANCONGAN DAN REKREASI</b>	<b>550,000.00</b>
(1)	Kerja Menaiktaraf Sistem Bekalan Dan Sumber Air Di Taman Botani Pulau Pinang	250,000.00
(2)	Kerja Menaiktaraf Bangunan Herbarium Di Taman Botani Pulau Pinang	150,000.00
(3)	Menaiktaraf Dan Membaikpulih Kemudahan Am Taman Di Taman Botani Pulau Pinang	150,000.00
<b>02</b>	<b>MEMBANGUNKAN DAN MENAIKTARAF KEMUDAHAN BOTANI, LANDSKAP DAN HORTIKULTUR</b>	<b>730,000.00</b>
(4)	Menaiktaraf Dan Membaikpulih Nurseri-Nurseri Di Dalam Taman Botani Pulau Pinang	150,000.00
(5)	Menaiktaraf Dan Membaikpulih Rumah-Rumah Pokok Di Taman Botani Pulau Pinang	100,000.00
(6)	Menaiktaraf Taman Rekreasi Kuari Di Taman Botani Pulau Pinang	280,000.00
(7)	Menaiktaraf Taman Formal Di Taman Botani Pulau Pinang	200,000.00
<b>03</b>	<b>PROJEK PENGINDAHAN DAN LANDSKAP</b>	<b>450,000.00</b>
(8)	Membekalkan Anak Benih Dan Pokok-Pokok Hiasan Di Taman Botani, Rumah Pokok, Kediaman Rasmi Kerajaan Negeri Dan Majlis Rasmi Kerajaan Negeri	250,000.00
(9)	Projek Pemeliharaan Pokok Dan Landskap Di Taman Botani Pulau Pinang	200,000.00
<b>05</b>	<b>PROGRAM PEMBANGUNAN SAINTIFIK, KONSERVASI, LANDSKAP, HORTIKULTUR DAN SUMBER MANUSIA</b>	<b>170,000.00</b>
(10)	Program Konservasi Tumbuhan Dan Kurasi Rekod Botani	80,000.00
(11)	Program Kolaborasi Dan Jaringan Taman Botani	50,000.00
(12)	Perisian Pangkalan Data Botanical Research And Herbarium Management (BRAHMS)	40,000.00
<b>06</b>	<b>PROGRAM EKO-PELANCONGAN (ECO-TOURISM) DAN PENDIDIKAN ALAM SEKITAR</b>	<b>100,000.00</b>
(13)	Program Pendidikan Alam Sekitar	100,000.00
<b>08</b>	<b>MENAIKTARAF DAN MEMBAIKI BANGUNAN / KOMPLEKS / KUARTERS</b>	<b>10.00</b>
(14)	Kerja Menaiktaraf Sistem Keselamatan Di Bangunan Pavilion Jabatan Taman Botani	10.00
	<b>Jumlah Peruntukan</b>	<b>2,000,010.00</b>

Dengan pelaksanaan projek pembangunan tersebut, operasi dan perkhidmatan Taman Botani telah ditambah baik secara berperingkat bagi memberi keselesaan kepada para pelawat. Selain menyediakan kemudahan untuk aktiviti riadah, kemudahan botani, landskap dan hortikultur seperti rumah-rumah pokok juga telah dinaik taraf dan kini boleh dilawati para pengunjung. Untuk makluman, Rumah Pokok Paku-Pakis (Fern), Rumah Bromeliad, Rumah Bogenia dan Rumah Orkid boleh dilawati oleh orang awam pada setiap hari Selasa, Rabu, dan Khamis (kecuali cuti umum) mulai jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Projek-projek pembangunan lain akan dijalankan secara berfasa supaya seiring dengan perancangan jangka masa panjang Kerajaan Negeri bagi membangunkan sebahagian kawasan di Taman Botani Pulau Pinang dengan projek kereta kabel Bukit Bendera. Dengan pelaksanaan projek tersebut diharapkan akan dapat memberi nilai tambah kepada Taman Botani Pulau Pinang, selain terus kekal menjadi sebahagian dari kawasan Rizab Biosfera Bukit Bendera yang berperanan dalam aktiviti konservasi, pembangunan, perkhidmatan ekosistem, pemantapan identiti budaya, pelancongan dan sosio-ekonomi.

- (b) Satu Sesi Libat Urus Pasukan Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan Agensi di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) telah diadakan pada 5 Januari 2022. Dengan mengambil kira maklum balas awal bagi sesi pra audit perjawatan oleh pihak JPA, Jabatan Taman Botani Pulau Pinang masih belum memenuhi keperluan minimum untuk beroperasi sebagai perbadanan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

27. Adakah perlombongan tapak kuari di belakang Penang Turf Club mendapat kelulusan pihak berkenaan? Jika tidak, apakah tindakan selanjutnya?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

27. Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) tidak menerima sebarang permohonan operasi kuari di kawasan terbabit. Sebarang kerja-kerja pengkuarian di tapak perlu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan terlebih dahulu.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

28. Berapakah keuntungan yang dijangka kepada SRS Consortium selepas penjualan tanah di Silicon Island habis sepenuhnya?
- (a) Adakah keuntungan ini akan diguna untuk projek infrastruktur yang lain?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Rakan Pelaksana Projek (PDP) bagi pelaksanaan projek di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) iaitu SRS Consortium Sdn. Bhd. bukan syarikat pemaju yang menjalankan kerja penambakan *Silicon Island*. Syarikat pemaju yang sedang melaksanakan projek *Silicon Island* ini di bawah skim Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) ialah Silicon Island Development Sdn. Bhd. (SIDSB).

Syarikat ini merupakan usahasama antara Penang Infrastructure Corporation Project Developer (PIC PD) Sdn. Bhd. (30%) dan SRS Project Developer (SRS PD) Sdn. Bhd. (70%). Wakil Kerajaan Negeri dalam usaha sama ini ialah Penang Infrastructure Corporation (PIC) yang akan memastikan projek *Silicon Island* dilaksanakan dengan lancar untuk mencapai tujuan pembangunan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Pada masa ini, jumlah keuntungan daripada penjualan tanah *Silicon Island* belum dapat dianggarkan. Anggaran keuntungan jualan tanah hanya dapat dikenal pasti setelah cadangan guna tanah *Silicon Island* diluluskan oleh PLANMalaysia.

Kerajaan Negeri juga tidak menjangkakan keuntungan yang besar daripada jualan tanah tersebut. Hal ini kerana pembangunan *Silicon Island* itu sendiri memainkan peranan sebagai pemangkin ekonomi yang akan menarik pelaburan asing ke Pulau Pinang. Impak positif ini dari segi pertumbuhan ekonomi adalah lebih penting kepada negeri kita bagi jangka masa panjang.

- (a) Apabila projek *Penang South Reclamation* (nama asal pembangunan *Silicon Island* yang terdahulu) dicadangkan, Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat menggunakan hasil jualan tanah tambahan tersebut untuk membiayai pelaksanaan pembangunan lain, khususnya komponen-komponen Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP).

Oleh itu, melalui pegangan PIC dalam syarikat SIDSB, Kerajaan Negeri boleh menentukan untuk menggunakan 30% keuntungan jualan tanah *Silicon Island* untuk membiayai pelaksanaan pembangunan lain pada masa hadapan. Namun begitu, kelulusan penggunaan keuntungan jualan tanah tersebut untuk pembiayaan projek di bawah PTMP akan diteliti lagi oleh Kerajaan Negeri kelak memandangkan *Silicon Island* akan mengambil masa lebih kurang 10 tahun lagi sebelum tanahnya dijual sepenuhnya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

29. Adakah pihak Kerajaan Negeri mengadakan perbincangan dengan pihak ADUN Pembangkang untuk menandatangani Memorandum Persefahaman bagi ADUN Pembangkang menyokong Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

29. Buat masa ini, tiada perbincangan dibuat dengan Blok Pembangkang bagi menandatangani Memorandum Persefahaman untuk menyokong Kerajaan Negeri.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(II)30**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

30. Senaraikan keutamaan projek-projek infrastruktur yang Kerajaan Negeri telah pohon peruntukan daripada Persekutuan dan masih menunggu keputusan Persekutuan.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Senarai projek keutamaan negeri bagi permohonan khas projek/program pembangunan Negeri Pulau Pinang di bawah *Rolling Plan* Kelima Rancangan Malaysia kedua Belas (RP5 RMKe-12) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

**SENARAI PROJEK KEUTAMAAN NEGERI BAGI PERMOHONAN KHAS PROJEK/PROGRAM  
PEMBANGUNAN NEGERI PULAU PINANG DI BAWAH RP5 RMKe-12**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>JABATAN/AGENSI PEMOHON</b>	<b>ANGGARAN KOS KESELURUHAN (RM)</b>	<b>PERUNTUKAN TAHUN 2025 (RM)</b>
1	Pembangunan semula Dewan Sri Pinang (DSP) dan Galeri TYT Yang di-Pertua Pulau Pinang	Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang	52,000,000	2,000,000
2	Projek Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL 1)	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri	8,659,410,000	288,000,000
3	Pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi	Bahagian Kawal Selia Air	80,000,000	1,000,000
4	Penaiktarafan jalan tunggal dua (2) lorong kepada jalan berkembar empat (4) lorong di Laluan Persekutuan FT006 dari Bayan Lepas ke Teluk Kumbar	Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang	320,000,000	100,000
5	Pembinaan struktur mencegah hakisan pantai di Pengkalan Nelayan Paramount, Daerah Timur Laut	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pulau Pinang	2,650,788	192,720
6	Pembinaan <i>outfall</i> dan struktur mencegah hakisan pantai di Batu Ferringhi dan Tanjung Bungah	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pulau Pinang	61,238,665	486,802

BIL.	NAMA PROJEK	JABATAN/AGENSI PEMOHON	ANGGARAN KOS KESELURUHAN (RM)	PERUNTUKAN TAHUN 2025 (RM)
7	Pemuliharaan Sungai Juru	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pulau Pinang	36,737,465	286,802
8	Pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 2 di Bayan Lepas	Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	75,000,000	11,500,000
9	Pembinaan jalan bawah ( <i>underpass</i> ) menghubungkan Jalan Mount Erskine ke Jalan Burma di persimpangan Jalan Mount Erskine/ Jalan Gottlieb/ Jalan Burma/ Jalan Bagan Jermal	Majlis Bandaraya Pulau Pinang	25,000,000	3,750,000
10	Penaiktarafan Kompleks Sukan Bertam	Majlis Bandaraya Seberang Perai	10,000,000	1,300,000
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>			<b>9,322,036,918</b>	<b>308,616,324</b>